

**China, Malaysia Boleh Bekerjasama Lebih Rapat Untuk Masa Depan Lebih Baik - PM
China
Bernama
Mei 31, 2014
Oleh D. Arul Rajoo**

BEIJING, 31 Mei (Bernama) -- Hubungan diplomatik kukuh dan semakin berkembang yang dinikmati Malaysia dan China sejak empat dekad lepas membuktikan kedua-dua negara boleh bekerjasama lebih rapat ke arah masa depan lebih baik, kata Perdana Menteri China Li Keqiang.

Beliau berkata jangkauan itu membawa harapan cerah bagi hubungan persahabatan yang gemilang selama 40 tahun lagi yang dapat menjurus ke arah kematangan, saling mempercayai, kestabilan dan kemakmuran selain dasar asing yang lebih hebat.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menyumbang kepada kejayaan hubungan diplomatik kedua-dua negara, Li berkata ekonomi kedua terbesar dunia itu sedia untuk bekerjasama rapat dengan Malaysia yang akan mengambil alih jawatan pengerusi Asean tahun depan.

"Sejak 40 tahun lepas, kita meniti persahabatan yang sentiasa diuji dan membuktikan bahawa kita mampu menempuh apa jua kesusahan bersama-sama," katanya pada ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China di sini Sabtu.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan lebih 300 tetamu menghadiri sambutan itu yang berlangsung di Dewan Agung Rakyat di sini.

Sambil menarik perhatian kepada sesi bergambar yang beliau dan Najib hadiri bersama belia dari kedua-dua negara di venue berkenaan, Li berkata ia merupakan mesej kepada dunia bahawa hubungan China-Malaysia berorientasikan masa depan.

"Hari ini adalah hari istimewa dan bersejarah dalam hubungan Malaysia-China ...sememangnya hari yang luar biasa. Kita berada di sini untuk menyambut ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik kita," katanya.

Ketika berucap, Li memuji Perdana Menteri Malaysia kedua Tun Abdul Razak Hussein atas keputusan bijak dan berpandangan jauh beliau dalam mewujudkan hubungan diplomatik dengan China genap 40 tahun lepas dan di dewan sama.

"Ia membuka lembaran baharu dalam hubungan kita dan hubungan China dengan negara lain dalam Asean. Pada masa itu dunia dibayangi perang dingin, hubungan antarabangsa adalah rumit dan wujud persaingan yang serius antara timur dan barat," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Tun Razak membuat keputusan berani untuk mengorak langkah

dengan berkunjung ke Beijing.

"Tun Razak pernah berkata ketika itu bahawa hubungan yang diwujudkan ini bagaikan pohon yang baru ditanam. Menjadi tanggungjawab kita untuk melihat pohon itu tumbuh subur... saya gembira melihat pohon ini kini semakin tinggi dan subur," kata Li.

Dagangan antara kedua-dua negara kini melepasi US\$106 bilion, kata Li, yang berharap asas kukuh yang diletakkan setakat ini akan mewujudkan peluang lebih baik dalam bidang seperti perniagaan, pelaburan kewangan, penguatkuasaan undang-undang dan pendidikan selain hubungan rakyat dengan rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042856>